

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SYARIKAT ASING

SEKSYEN 562 AKTA SYARIKAT 2016

Syarikat yang diperbadankan dari luar negara boleh menjalankan perniagaannya di Malaysia melalui dua (2) kaedah berikut:

- i. Sebagai pemegang saham syarikat tempatan yang didaftarkan di bawah seksyen 14 Akta Syarikat 2016 (AS 2016), atau
- ii. Sebagai syarikat asing yang didaftarkan di bawah Seksyen 562 AS 2016.

Bagi pilihan pertama, pemohon boleh merujuk kepada Garis Panduan Pendaftaran Syarikat Tempatan. Manakala, prosedur pendaftaran Syarikat Asing adalah seperti garis panduan berikut:

PROSEDUR PENDAFTARAN SYARIKAT ASING

Prosedur pendaftaran syarikat asing dibahagikan kepada dua (2) bahagian berlainan berdasarkan saluran serah simpan. Pemohon perlu mematuhi setiap langkah seperti berikut bagi memastikan permohonan lengkap untuk diserahkan. Bahagian pertama ialah permohonan dan perizaban ketersediaan nama syarikat diikuti bahagian kedua, pendaftaran syarikat asing.

1. Permohonan dan tempahan ketersediaan nama syarikat

Pemohon dikehendaki mengemukakan borang Seksyen 27(1) & (4) AS 2016 '*Availability of Company's Name*' melalui portal MyCoID.

Setelah nama syarikat diluluskan dalam tempoh masa tempahan, pemohon perlu menyerahkan simpan cetakan permohonan pendaftaran

syarikat asing di mana-mana kaunter SSM berhampiran sama ada di ibu pejabat, negeri atau cawangan (kecuali UTC).

2. **Dokumen-dokumen permohonan pendaftaran syarikat asing**

Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- a. Borang Seksyen 562 AS 2016 Permohonan Pendaftaran Syarikat Asing termasuk Maklumat Pemunya Benefisial;
- b. Memorandum atau Surat Kuasa Pelantikan Ejen;
 - lengkap dimeterai syarikat, dan
 - sijil setem hasil RM10;
- c. Afidavit Pengesahan Memorandum Pelantikan/Akuan Berkanun Mengesahkan Memorandum Pelantikan (disahkan oleh Notari Awam/Pesuruhjaya Sumpah);
- d. Seksyen 562(2) AS2016 Pernyataan oleh Ejen Syarikat Asing;
- e. Salinan Sijil Pemerbadanan Syarikat yang disahkan;
- f. Cetakan maklumat syarikat yang terkini;
- g. Salinan Perlembagaan Syarikat yang disahkan;
- h. Borang Seksyen 27(1)&(4) AS2016 '*Availability of Company's Name*';
- i. Cetakan emel notifikasi kelulusan dan tempahan nama syarikat;
- j. Lain-lain dokumen:-
 - Kadar pertukaran mata wang asing;

- Salinan pasport Pengarah dan Ejen;
 - Dokumen berbahasa asing perlu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris oleh penterjemah berkeelayakan; dan
 - Dua (2) salinan cetakan surat (untuk tujuan franking resit bayaran);
- k. Bayaran fi menurut Jadual Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Syarikat 2017.

FI PENDAFTARAN SYARIKAT ASING

MODAL SAHAM NOMINAL (BERSAMAAN RM)	FI (RM)
Tidak melebihi RM1 juta	5,000
Melebihi RM1 juta tetapi kurang daripada RM10 juta	20,000
Melebihi RM10 juta tetapi kurang daripada RM50 juta	40,000
Melebihi RM50 juta tetapi kurang daripada RM100 juta	60,000
Melebihi RM100 million	70,000

- Bagi menentukan kadar bayaran fi pendaftaran, modal saham nominal syarikat asing hendaklah terlebih dahulu ditukar daripada mata wang negara asal ke mata wang Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran semasa.
- Sekiranya syarikat asing tidak menetapkan sebarang modal saham, kadar rata RM70,000 perlu dibayar kepada SSM.

PAUTAN UNTUK MUAT TURUN BORANG

Pautan untuk memuat turun borang Seksyen 562 Permohonan Pendaftaran Syarikat Asing boleh diakses di:

[s 562\(1\)\(fa\) 170524.pdf](#)

MAKLUMAT PENTING

- Permohonan perlu mengekalkan maklumat semua Pengarah dan Pemegang Saham seperti di negara asal.
- Syarikat asing perlu melantik ejen yang merupakan individu atau/dan badan korporat yang beralamat dalam Malaysia.
- Maklumat mengenai pemunya benefisial wajib dilengkapkan.

PIAGAM PELANGGAN

Permohonan lengkap yang diserahkan dengan bayaran akan diproses dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

VERIFIKASI PERMOHONAN

SEKIRANYA PERMOHONAN DILULUSKAN

Pemohon perlu hadir ke kaunter SSM yang sama dengan membawa resit bayaran untuk mengambil:

- Notis pendaftaran
- Surat kelulusan.

SEKIRANYA PERMOHONAN DIKUERI

Pemohon perlu mengambil semula salinan permohonan dan surat kueri di kaunter yang sama dengan mengemukakan resit bayaran. Permohonan yang telah diperbetulkan dan lengkap perlu dikembalikan semula ke kaunter untuk diproses semula mengikut Piagam Pelanggan.